



GABUNGAN ILMU HUTAN, MODEN

Sentiment	Positive	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	172,826	Circulation	86,413
PR Value	51,848	Page	34

Page Location



GABUNGAN ILMU HUTAN, MODEN

Masyarakat Orang Asli, sebagai komuniti pribumi di Malaysia memainkan peranan penting dalam memelihara warisan alam dan budaya negara.

Namun, perkembangan pesat dunia moden sering kali mengancam kelestarian persekitaran dan ekonomi tradisional mereka.

Menyadari hakikat itu, baru-baru ini satu Program Pendidikan Kelestarian Persekitaran dan Ekonomi diperkenalkan untuk membimbing pelajar Orang Asli memahami kepentingan memelihara alam sekitar dan mengukuhkan ekonomi komuniti mereka secara mampan.

Program yang dijayakan sekumpulan penyelidik dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kampus Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang itu berjaya menarik minat seramai 300 pelajar masyarakat Orang Asli di Sekolah Kebangsaan Kedaik Komprehensif 9 di Rompin, Pahang.

Diketuai Pensyarah Kanan, UNITEN Business School Dr Suzaida Bakar, program itu dianjurkan bertujuan untuk melindungi alam sekitar.

Selain itu, ia juga untuk memastikan generasi muda Orang Asli mampu menyesuaikan diri dengan perubahan global tanpa

Uniten anjur program keupayaan dalam pedagogi digital, etika dan pembangunan institusi bersama Orang Asli

mengorbankan nilai-nilai tradisional mereka.

Dr Suzaida berkata, program itu mempunyai beberapa objektif utama iaitu pertama meningkatkan kesedaran alam sekitar dengan memberi pengetahuan kepada pelajar Orang Asli

mengenai kepentingan memelihara alam sekitar dan kesan negatif aktiviti manusia terhadap ekosistem.

"Kedua, memperkukuh ekonomi mampan dengan membantu pelajar memahami cara menggabungkan sumber

semula jadi dengan aktiviti ekonomi yang lestari seperti pertanian organik, pelancongan ekologi, dan kraftangan tradisional.

"Objektif ketiga adalah pemeliharaan budaya dan warisan dengan menggalakkan pelajar menghargai dan

memelihara warisan budaya mereka yang berkait rapat dengan alam semula jadi.

"Akhir sekali adalah pembangunan kemahiran hidup dengan memberi pelajar kemahiran praktikal untuk menghadapi cabaran ekonomi moden sambil mengekalkan kelestarian alam sekitar," katanya.

Program itu merangkumi pelbagai aktiviti dan modul pendidikan yang dirancang khusus untuk memenuhi keperluan pelajar Orang Asli.

Antara kandungan utama program itu termasuklah pendidikan alam sekitar di mana pelajar didedahkan dengan konsep asas kelestarian alam sekitar seperti kepelbagaian biologi, perubahan iklim dan pengurusan sumber semula jadi.

Selain itu, aktiviti 'hands-on' juga dijalankan dengan menekankan pembelajaran melalui

pengalaman langsung.

Pelajar juga terbabit dalam aktiviti menanam pokok, membersihkan sungai dan memelihara hutan simpan di sekitar kawasan sekolah.

Dr Suzaida berkata, aktiviti yang dilaksanakan itu bukan sahaja meningkatkan kesedaran pelajar tetapi juga mengukuhkan hubungan mereka dengan alam sekitar.

"Selain itu, aktiviti pembangunan ekonomi mampan juga diperkenalkan kepada mereka.

"Pelajar diajar cara menggunakan sumber semula jadi secara bertanggungjawab untuk menjana pendapatan.

"Contohnya, mereka belajar berkenaan pertanian organik, penanaman herba tradisional dan kraf tangan yang menggunakan bahan semula jadi," katanya.



PELAJAR mendengar penerangan mengenai kepentingan memelihara alam sekitar.